



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



GARIS PANDUAN JPPRO : ANUGERAH KECEMERLANGAN STAF PSA DAN PENYEDIAAN KELOMPOK BAKAT KE ARAH PELAN PENGGANTIAN PPPT PSA

GARIS PANDUAN JPPro:
ANUGERAH KECEMERLANGAN
STAF PSA
DAN
PENYEDIAAN KELOMPOK BAKAT
KE ARAH PELAN PENGGANTIAN
PPPT PSA

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
2022

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz terlebih dahulu.

Terbitan pertama 2022

Diterbitkan Oleh:
UNIT PENERBITAN
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan,
Seksyen U1,
40150
Selangor
Telephone No.: +603 51634000
Fax No. : +603 55691903

e ISBN 978-967-0032-09-2



9 7 8 9 6 7 0 0 3 2 0 9 2
GARIS PANDUAN JPPro

**GARIS PANDUAN JPPRO:
ANUGERAH KECEMERLANGAN STAF PSA
DAN
PENYEDIAAN KELOMPOK BAKAT KE ARAH PELAN PENGGANTIAN
PPPT PSA**

ISI KANDUNGAN

PRAKATA

BAHAGIAN SATU:	1
GARIS PANDUAN ANUGERAH KECEMERLANGAN STAF PSA	
1.0 TUJUAN	2
2.0 LATAR BELAKANG	3
3.0 OBJEKTIF	4
4.0 JENIS ANUGERAH	5
4.1 Anugerah Pengajaran Cemerlang	5
4.2 Anugerah E-Pembelajaran Inovatif	5
4.3 Anugerah Pengurusan dan Profesional Terbaik	6
4.4 Anugerah Akademia Kolaborasi	6
4.5 Anugerah Bakat dan Kepakaran Staf	6
4.6 Anugerah Inovasi Cemerlang	7
4.7 Anugerah Aspirasi Penyelidik Cemerlang	7
4.8 Anugerah Staf Pelaksana Terbaik	7
4.9 Anugerah Penulisan dan Penerbitan Cemerlang	8
4.10 Anugerah Tokoh Maal Hijrah	8
5.0 SYARAT PENCALONAN	9
6.0 KRITERIA PENILAIAN	10
7.0 RUBRIK PENILAIAN	15
8.0 PROSES PELAKSANAAN – CARTA	16

BAHAGIAN DUA:	17
GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KELOMPOK BAKAT KE ARAH PELAN PENGGANTIAN PPPT PSA	
9.0 TUJUAN	18
10.0 LATAR BELAKANG	19
11.0 OBJEKTIF	20
12.0 DIMENSI PENGUKURAN	21
12.1 KESEDIAAN	21
12.2 PENGETAHUAN	21
12.3 SIKAP	22
12.4 MINAT	23
13.0 PROSES PENYEDIAAN KELOMPOK BAKAT	24
13.1 SOAL SELIDIK PELAN PENGGANTIAN	24
13.2 INVENTORI PERSONALITI SIDEK	24
13.3 CARTA ALIR PEMILIHAN KELOMPOK BAKAT	25
13.4 ANALISA DATA	25
14.0 PEMBANGUNAN BAKAT	27
15.0 PENUTUP	28
RUJUKAN	29
LAMPIRAN	30

PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah dan dengan penuh rasa kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya buku garis panduan JPPRO: Anugerah Kecemerlangan Staf (Akademik & staf Sokongan) dan Penyediaan Kelompok Bakat; Kearah Pelan Penggantian PPPT PSA dapat diterbitkankan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea dan tenaga bagi menyediakan buku garis panduan ini.

Bermula tahun 2019, Kementerian Pendidikan telah mengisytiharkan 5 Oktober sebagai Hari Akademia Malaysia, bagi menghargai jasa dan sumbangan kumpulan akademik di institut pendidikan tinggi (IPT) yang merangkumi tenaga pengajar politeknik, institut perguruan, kolej dan universiti awam dan swasta. Malaysia merupakan negara pertama mengadakan hari khusus bagi menghargai sumbangan komuniti akademia yang merangkumi kira-kira 70,000 tenaga pengajar di IPT.

Idea Hari Akademia ini telah dicetuskan oleh bekas Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik. Tarikh ini juga adalah bersamaan dengan Hari Guru Sedunia UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu). Selain itu, Oktober juga perkenalkan sebagai Bulan Akademia di semua IPT.

10 Anugerah yang telah dikenalpasti sebagai penghargaan kepada staf Akademik dan juga sokongan Akademik dalam EMPAT (4) bidang iaitu Pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pengurusan dan pentadbiran. Selain itu, pihak pengurusan juga sentiasa memandangkan ke hadapan untuk menyediakan tenaga pengajar yang berpotensi untuk menerajui pengurusan

tertinggi institusi dengan menyediakan kelompok bakat untuk warga Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) ke arah menghasilkan Pelan Penggantian PSA.

Pelan penggantian memfokus kepada segolongan kakitangan yang berpotensi untuk digilap bakat dan keupayaannya untuk mencapai visi sesebuah organisasi. Pelan penggantian memberi manfaat kepada individu yang berpotensi dari segi pengembangan kerjaya mereka. Ini bermakna pelan penggantian memberi satu situasi menang-menang (*win-win*) kepada kedua-dua pihak. Ia adalah satu padanan antara keperluan futuristik organisasi dan aspirasi staf.

Perancangan untuk penggantian bukan semata-mata untuk mengisi jawatan-jawatan kritikal, bahkan ia boleh disifatkan sebagai satu kaedah strategik meletakkan seseorang pada tempatnya atau '*the right person for the right job*'. Ia berkait rapat dengan pembangunan kepimpinan dan peranan pimpinan tertinggi dalam sesebuah organisasi.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat kerana komitmen dan usaha yang berterusan dalam menjayakan penerbitan Garis Panduan JPPRO: Anugerah Akademia Staf PSA ini. Semoga dengan penghasilan garis panduan ini dapat digunakan oleh warga PSA untuk memohon pencalonan setiap kategori yang ditawarkan.

DR MOHD ZAHARI BIN ISMAIL

Pengarah

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

SIDANG REDAKSI
GARIS PANDUAN ANUGERAH KECEMERLANGAN STAF PSA

Penasihat

Dr Mohd Zahari bin Ismail
Ts Rosman bin Mat Jidin
Ts Dr. Ahmad Aftas bin Azman

Editor

Hjh Roziah binti Hj Abdul Latiff
Dr Wan Rosemehah binti Wan Omar

Penulis

Azlina binti Muhammad
Mazni binti Muhammad
Nur Ayuni binti Ahmad
Normasita binti Sulaiman
Dr Marlina binti Ramli

Penghargaan

Rohana binti Khalid
Hjh Zaleha binti Abdullah
Zarinah binti Zaini

SIDANG REDAKSI
GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KELOMPOK BAKAT
KE ARAH PELAN PENGGANTIAN PPPT PSA

Penasihat

Dr Mohd Zahari bin Ismail
Ts Rosman bin Mat Jidin
Ts Dr. Ahmad Aftas bin Azman

Editor

Puan Hjh Roziah binti Hj Abdul Latiff

Penulis

Mazni binti Muhammad
Azlina binti Muhammud
Dr Marlina binti Ramli
Noraslinda binti Harun
Dr Aziam binti Mustafa
Dr Norasiah binti Muhammad
Normasita binti Sulaiman
Nor Zarina binti Pitdin
Nur Ayuni binti Ahmad

Penghargaan

Hjh Shareaha binti Din; Mohd Sharoni bin Ismail; Dr Mohd Najib bin Hamdan; Norhazaiwati binti Ahmad Teridi; Siti Asroh binti Mohamad; Sr. Ts. Rohaizana binti Ramli dan warga Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang telah menjayakan Garis Panduan Pelan Penggantian Edisi 2022

BAHAGIAN SATU:

GARIS PANDUAN

ANUGERAH

KECEMERLANGAN

STAF PSA

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menyediakan panduan kepada pihak pengurusan Jabatan Pembangunan Profesionalisme (JPPRo) dalam melaksanakan anugerah kecemerlangan staf PSA (akademik dan staf sokongan) dan sebagai rujukan permohonan staf PSA. Garis Panduan ini memperincikan kategori anugerah, syarat-syarat pencalonan, kriteria penilaian, rubrik penilaian dan proses pelaksanaan serta lampiran borang permohonan.

2.0 LATAR BELAKANG

Anugerah Kecemerlangan PSA merupakan program dan insentif untuk mengiktiraf dan menghargai kejayaan staf yang berjaya menonjolkan kecemerlangan peningkatan kualiti dalam bidang akademik, pengurusan, penyelidikan dan pentadbiran. Anugerah ini menjadi amalan mantap dalam pendidikan dan juga pengurusan syarikat dan merupakan pembentukan makinisma motivasi yang berkesan untuk staf (Nina Seppala & Charlotte Smith, 2019) dan (Makushkin, Sergey A, 2019). Oleh itu menjadi tugas penting pihak pengurusan meneruskan anugerah ini untuk mencapai matlamat utama institusi, terutama pertumbuhan kecemerlangan dan pencapaian sasaran kerja dan *Key Performance Indicator (KPI)* serta melonjakkan imej institusi. Selain itu, pengwujudan anugerah kecemerlangan staf di peringkat PSA adalah sejajar dengan peredaran zaman termasuk Revolusi Industri ke-4 yang menuntut pemikiran dan reka bentuk semula pengajian tinggi.

Anugerah seumpama ini dilaksanakan sejajar dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 September 2019, dimana telah bersetuju dan meluluskan Hari Akademia disambut pada 5 Oktober dan Bulan Oktober diiktiraf sebagai Bulan Akademia. PSA mengambil inisiatif untuk memberikan Anugerah kecemerlangan kepada staf yang berjaya menggalas tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh integriti dan akauntabiliti.

Anugerah Kecemerlangan PSA merangkumi EMPAT (4) kategori utama iaitu Pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pengurusan dan pentadbiran.

3.0 OBJEKTIF

Objektif Anugerah Kecemerlangan Staf PSA adalah untuk:

3.1 Mengiktiraf dan menghargai sumbangan signifikan staf PSA dalam pelbagai bidang.

3.2 Memberi motivasi kepada para staf PSA agar terus berusaha dan sentiasa berdaya bersaing secara sihat di antara satu sama lain ke arah kecemerlangan.

3.3 Menyokong usaha PSA dalam memantapkan kualiti dan kecemerlangan menerusi pelbagai kaedah kreatif dan inovatif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

4.0 JENIS ANUGERAH

Terdapat 10 anugerah yang dipertandingkan iaitu:

4.1 Anugerah Pengajaran Cemerlang

ANUGERAH PENGAJARAN CEMERLANG ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada staf akademik yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pengajaran, merujuk kepada tahap keilmuan yang tinggi merangkumi penjanaan dan perkongsian ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran. Kecemerlangan pengajaran merujuk kepada amalan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan yang kreatif dan inovatif, berasaskan falsafah, teori dan prinsip pengajaran yang mantap untuk meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. Penilaian dibuat dengan mengambilkira bahan-bahan bukti yang menunjukkan kesahan peserta dalam setiap aspek penilaian berikut (yang disahkan oleh Ketua Jabatan/Pusat/Unit).

4.2 Anugerah E-Pembelajaran Inovatif

ANUGERAH E PEMBELAJARAN INOVATIF ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada staf akademik yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam inovasi pembelajaran menggunakan kaedah dalam talian termasuk melalui laman web, media sosial, aplikasi komunikasi maya dan sebagainya untuk meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. Penilaian dibuat dengan mengambilkira bahan-bahan bukti yang menunjukkan kesahan peserta dalam setiap aspek penilaian berikut (yang disahkan oleh Ketua Jabatan/Pusat/Unit).

4.3 Anugerah Pengurusan dan Profesional Terbaik

ANUGERAH PENGURUSAN DAN PROFESIONAL TERBAIK diberikan kepada calon yang cemerlang dan komited di dalam semua aspek khususnya dalam pengurusan tugas hakiki, kesempurnaan tugas dalam mendokong Misi dan Visi Organisasi. Anugerah ini diberikan kepada pegawai yang berusaha tanpa mengira masa dan tenaga dalam usaha ke arah mencapai kecemerlangan politeknik.

4.4 Anugerah Akademia Kolaborasi

ANUGERAH AKADEMIA KOLABORASI diberikan kepada calon yang menjadi penggerak utama dalam kolaborasi yang dilaksanakan bermula dari perancangan berkolaborasi sehingga menjalankan aktiviti-aktiviti kolaborasi yang berkaitan (melalui pengesahan Ketua Jabatan/Pusat/Unit). Penilaian dibuat dengan mengambilkira bahan-bahan bukti yang menunjukkan kesahan peserta dalam setiap aspek penilaian berikut (yang disahkan oleh Ketua Jabatan/Pusat/Unit).

4.5 Anugerah Bakat dan Kepakaran Staf

ANUGERAH BAKAT DAN KEPAKARAN diberikan kepada staf yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menjadi pakar rujuk (resource person) dalam hal ehwal bidang yang tertentu. Penerima yang dipilih mampu menunjukkan kemahiran dan pengetahuan yang diiktiraf sama ada di peringkat institusi, kebangsaan dan antarabangsa. Calon mestilah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang yang diterajui.

4.6 Anugerah Inovasi Cemerlang

ANUGERAH INOVASI CEMERLANG ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada pensyarah yang aktif menjalankan aktiviti penyelidikan dan menunjukkan kecemerlangan dalam bidang inovasi. Anugerah ini mengambil kira penyeliaan projek pelajar, penulisan/pembentangan projek pelajar, pendaftaran harta intelek, aplikasi Inovasi dan penyertaan inovasi.

4.7 Anugerah Aspirasi Penyelidik Cemerlang

ANUGERAH ASPIRASI PENYELIDIK CEMERLANG ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada pensyarah yang aktif menjalankan aktiviti penyelidikan yang kreatif dan sistematik untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang. Anugerah ini merangkumi butiran penyelidikan, pencapaian penyelidikan dan sumbangan penyelidik terhadap pembangunan sosio-ekonomi komuniti. Selain pengiktirafan oleh pihak luar, penyelidik mampu memberi sumbangan besar kepada bidang keilmuan, kemajuan politeknik, masyarakat dan negara.

4.8 Anugerah Staf Pelaksana Terbaik

ANUGERAH STAF PELAKSANA TERBAIK diberikan kepada calon yang cemerlang dan komited di dalam semua aspek khususnya dalam pengurusan tugas hakiki, kesempurnaan tugas dalam mendokong Misi dan Visi Organisasi. Anugerah ini diberikan kepada pegawai yang berusaha tanpa mengira masa dan tenaga dalam usaha ke arah mencapai kecemerlangan politeknik.

4.9 Anugerah Penulisan dan Penerbitan Cemerlang

ANUGERAH PENULISAN DAN PENERBITAN CEMERLANG ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada pensyarah yang aktif menjalankan aktiviti penyelidikan dan menunjukkan kecemerlangan berkarya dalam penulisan kreatif atau ilmiah. Anugerah ini mengambil kira bilangan penulisan dan juga pembentangan diperingkat antarabangsa, kebangsaan , zon, negeri dan politeknik serta nilai *google scholar citation*.

4.10 Anugerah Tokoh Maal Hijrah

ANUGERAH TOKOH MAAL HIJRAH ini bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada warga PSA yang cemerlang dan seimbang dalam semua aspek khususnya dari aspek pembangunan agama dan kendiri. Ia adalah sejajar dengan konsep maal hijrah iaitu satu bentuk perubahan yang berlaku ke arah kebaikan dan berjaya memberi manfaat kepada masyarakat di sekelilingnya. Anugerah ini diberikan kepada calon yang berusaha tanpa mengira masa dalam usaha ke arah mencapai kecemerlangan PSA serta sentiasa bersedia berkongsi kepakaran/ ilmu yang ada untuk manfaat warga PSA khususnya. Calon mestilah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang yang diterajui.

5.0 SYARAT PENCALONAN

Syarat pencalonan adalah seperti berikut:

- i. Pemohon telah disahkan dalam jawatan dan telah berkhidmat di PSA sekurang-kurangnya **LIMA (5)** tahun.
- ii. LNPT **TIGA (3)** tahun dan sekurang-kurangnya 85% ke atas.
- iii. Tidak memenangi anugerah yang sama dalam tempoh **TIGA (3)** tahun.
- iv. Semua dokumen sokongan adalah dalam tempoh **DUA (2)** tahun.
- v. Keputusan Penilaian Anugerah adalah **MUKTAMAD**.

6.0 KRITERIA PENILAIAN

Anugerah	Kriteria Penilaian
Anugerah Pengajaran Cemerlang	<p>Penilaian Institusi</p> <p>Kecemerlangan Pengajaran:</p> <p>Maklumat Pembelajaran & Pengajaran (P&P)</p> <p>Penglibatan dalam aktiviti berkaitan pembelajaran dan pengajaran pada tahun yang dinilai</p> <p>Perkongsian kepakaran</p> <p>Pembangunan Kompetensi</p> <p>Pencapaian</p>
Anugerah E-Pembelajaran Inovatif	<p>Penilaian Institusi</p> <p>Kecemerlangan E Pembelajaran Inovatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> i- Maklumat Pembelajaran & Pengajaran (P&P) ii- Penggunaan pelbagai platform dalam talian iii- Perkongsian Kepakaran iv- Pelaksanaan Blended Learning v- Pencapaian
Anugerah Pengurusan dan Profesional Terbaik	<p>Penilaian Institusi</p> <p>Kecemerlangan Staf Pengurusan dan Profesionalisme:</p> <ul style="list-style-type: none"> i-Memperlihatkan sikap taat dan saying kepada organisasi dan mempamerkan tindakan, inisiatif dan keperihatinan yang melebihi

	<p>tanggungjawab biasa bagi jawatannya.</p> <p>ii- Kemampuan bertindak atau membuat keputusan selaras dengan dasar dan peraturan perkhidmatan / pekeliling perbendaharaan / surat pekeliling dalaman semasa.</p> <p>iii- Menghasilkan inovasi dan kreativiti sendiri yang boleh diterapkan dalam pengurusan organisasi kea rah meningkatkan produktiviti dan impak positif disamping penjimatan kos.</p> <p>iv- Nilai tambah</p>
Anugerah Akademia Kolaborasi	<p>Penilaian Institusi</p> <p>Kecemerlangan Kolaborasi:</p> <p>i-Kekuatan jalinan kolaborasi dengan sesuatu industry / agensi dalam tempoh DUA (2) tahun sebelum pada tahun yang dinilai.</p> <p>ii- Keteguhan kolaborasi dengan industri / agensi.</p> <p>iii- Kolaborasi dengan insdustri / agensi berkategori,</p> <p>iv- Keterlibatan secara langsung dengan aktiviti bersama industri pada tahun yang dinilai.</p> <p>v- Impak kolaborasi dengan industri / agensi pada tahun yang dinilai.</p>

Anugerah Bakat dan Kepakaran Staf	<p>Penilaian institusi</p> <p>Kecemerlangan Anugerah bakat / Kepakaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> i-Penglibatan: Bilangan penglibatan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran / pengurusan / aktiviti kemasyarakatan / pertubuhan / badan bukan kerajaan. ii- Kepakaran: Bilangan sijil kepakaran / profesionalisme yang diperolehi. iii- Perkongsian ilmu / kepakaran : Bilangan sesi perkongsian ilmu / kepakaran yang telah dilaksanakan. iv- Kepimpinan dan keterampilan: bilangan jawatan yang disandang di luar tugas rasmi (dalam tahun yang dinilai). v- Nilai tambah: Bilangan pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH), Keahlian badan professional / sijil professional /kecekapan dan tugas sampingan selain daripada tugas hakiki tetapi perlu.
Anugerah Inovasi Cemerlang	<p>Penilaian Institusi</p> <p>Kecemerlangan Inovasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i-Penyeliaan projek pelajar ii- Harta intelek

	iii- Pencapaian
Anugerah Aspirasi Penyelidik Cemerlang	<p>Penilaian Institusi</p> <p>Kecemerlangan Aspirasi Penyelidik:</p> <ul style="list-style-type: none"> i-Butiran Penyelidikan (tajuk penyelidikan, peranan calon dan nilai projek) ii- Pencapaian penyelidikan iii- Sumbangan penyelidikan
Anugerah Staf Pelaksana Terbaik	<p>Penilaian Institusi</p> <p>Kecemerlangan Staf Pelaksana terbaik:</p> <ul style="list-style-type: none"> i-Memperlihatkan sikap taat dan sayang kepada organisasi dan mempamerkan tindakan, inisiatif dan keprihatinan yang melebihi tanggungjawab biasa bagi jawatannya. ii- kemampuan bertindak atau membuat keputusan selaras dengan dasar dan peraturan perkhidmatan / pekeliling perbendaharaan / surat pekeliling dalam semasa. iii- menghasilkan inovasi dan kreativiti sendiri yang boleh diterapkan dalam pengurusan organisasi ke arah meningkatkan produktiviti dan impak positif disamping penjimatan kos. iv- Nilai tambah: Sanjungan / pingat /anugerah akademik /

	anugerah bukan akademik, tugas sampingan selain daripada tugas hakiki dan sumbangan diluar politeknik.
Anugerah Penulisan dan Penerbitan Cemerlang	<p>Penilaian Institusi</p> <p>Kecemerlangan Penulisan dan Penerbitan Cemerlang:</p> <p>i-Senarai penerbitan: Jurnal, buku, prosiding, digest/bab dalam buku, pembentangan, bilangan penulisan/pembentangan.</p> <p>ii- Google Scholar Citation</p>
Anugerah Tokoh Maal Hijrah	<p>Penilaian Institusi</p> <p>Kecemerlangan Tokoh Maal Hijrah:</p> <p>i-Sumbangan:Bilangan sumbangan yang dilaksanakan kepada komuniti / pertubuhan / badan kerajaan / bukan kerajaan.</p> <p>ii- Pencapaian tertinggi dalam perkhidmatan.</p> <p>iii- Perkongsian ilmu / kepakaran</p> <p>iv- Kepimpinan dan ketramplilan</p> <p>v- Nilai tambah</p>

7.0 RUBRIK PENILAIAN

Rubrik penuh penilaian bagi anugerah yang dinyatakan boleh diteliti di lampiran garis panduan ini.

8.0 PROSES PELAKSANAAN – CARTA ALIR

Proses Pelaksanaan Anugerah Kecemerlangan Staf PSA adalah seperti Carta Alir berikut:



Carta Alir Proses Perlaksanaan Anugerah Kecemerlangan Staf PSA

BAHAGIAN DUA:

GARIS PANDUAN

PENYEDIAAN

KELOMPOK BAKAT

KE ARAH PELAN PENGGANTIAN

PPPT PSA

9.0 TUJUAN

Garis Panduan Pelan Penggantian ini disediakan bagi tujuan persediaan penggantian jawatan-jawatan hakiki dan lantikan dalaman di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Garis panduan ini juga menyediakan kerangka konsep pelan penggantian, penubuhan Jawatankuasa Kerja Search Pelan Penggantian, skop fungsi dan proses pelaksanaan pelan penggantian bagi memastikan proses penggantian lebih adil serta telus bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian organisasi.

10.0 LATAR BELAKANG

Pembangunan Garis Panduan Pelan Penggantian adalah berdasarkan kepada beberapa punca kuasa iaitu Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil. 3 Tahun 2006: Panduan Mewujudkan Search Committee dan Proses Pelaksanaan Pelan Penggantian (Succession Planning), Agenda PSPTN (Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara) Tahun 2007: Teras Ke-4 iaitu Memperkasakan Kepimpinan dan Memperkuuh Pelan Penggantian Institusi Pengajian Tinggi, Agenda PPPM(PT) 2015-2025: Lonjakan Kedua – Kecemerlangan Bakat, Garis Panduan Pelan Penggantian Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT), JPPKK 2015; dan Petikan Minit AMP: Minit Mesyuarat Pengurusan PSA bertarikh 23 Februari 2021.

11.0 OBJEKTIF

Objektif Penyediaan Kelompok Bakat adalah bagi:

- i. Mengenal pasti bakal pemimpin Pengurusan, *Subject Master Expert (SME)*, Penyelidikan dan Pengamal Profesional yang berpotensi tinggi bagi mengisi jawatan hakiki dan lantikan dalaman di PSA;
- ii. Memperkasa kepimpinan dan pengurusan PSA sedia ada dalam memenuhi visi, misi, moto dan objektif serta mengemudi perubahan dan usaha pembaharuan dalam PSA;
- iii. Melestarikan kompetensi dan mengukuhkan keupayaan kepimpinan serta keberkesanan staf PSA sebagai pengurus yang berwibawa yang boleh menggerakkan perubahan ke satu tahap yang lebih tinggi.

12.0 DIMENSI PENGUKURAN

Pelan penggantian PSA telah menggariskan empat (4) dimensi pengukuran yang boleh dinilai dalam menentukan kecenderungan pegawai mengikut empat (4) laluan bidang. Empat (4) dimensi pengukuran tersebut adalah kesediaan, pengetahuan, sikap dan minat.

12.1 KESEDIAAN

Mengikut kamus dewan DBP, kesediaan didefinisi sebagai perihal sedia, kesanggupan, kerelaan. Ia membawa maksud kesediaan dan kesanggupan dalam memikul tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Kriteria kesediaan ini juga berkait dengan karisma yang ada dalam diri pegawai yang mempunyai idea dan buah fikiran yang berpengaruh. Jika dilihat pada teori Bass dan Avolio, kesediaan boleh dikaitkan dengan *idealised influence*. Pegawai yang mempunyai idea atau buah fikiran yang bernas mampu untuk memikul tugas dan tanggungjawab dilaluan yang dipilih. Dalam kajian yang dijalankan ini, kesedaran lebih memfokuskan kepada kepekaan dan sikap ambil tahu para pensyarah di PSA terhadap laluan ang dipilih. Selain itu, tahap kesediaaan juga dikaitkan dengan peka kepada apa yang berlaku atau berkaitan dengan sesuatu di samping memiliki minat terhadap sesuatu.

12.2 PENGETAHUAN

Pengetahuan dalam Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisi sebagai mengetahui atau apa-apa yang diketahui. Ia menjelaskan bahawa seorang yang memegang sesuatu jawatan itu perlu mempunyai pengetahuan tentang tugas tersebut. Pengetahuan yang dimiliki oleh pegawai bukan sahaja dapat membantu dirinya dalam melaksanakan tugas tetapi juga boleh berkongsi serta membantu rakan setugas yang lain dalam melaksanakan tanggungjawab.

Pengetahuan ini boleh dikaitkan dengan *intellectual stimulation* sebagaimana yang digariskan dalam teori Bass dan Avolio. Pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu bidang sangat membantu pegawai dalam menyelesaikan masalah serta meningkatkan kecemerlangan diri. Pengetahuan adalah suatu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat. Ia berasal daripada pengalaman lampau dan pengalaman baru sama ada diketahui sendiri atau melalui sumber lain dan digunakan bagi mencapai matlamat yang belum terlaksana. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji mentafsirkan pengetahuan sebagai maklumat sedia ada dalam diri pensyarah terhadap laluan yang dipilih.

12.3 SIKAP

Mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka sikap didefinisikan sebagai pembawaan seseorang, perangai, tabiat, watak. Dalam menjelaskan perkaitan sikap dengan dimensi pelan penggantian ini adalah untuk melihat sejauhmana sikap seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas yang dilaksanakan sama ada berusaha melakukan dengan terbaik serta yakin dengan apa sahaja yang dilakukan. Sikap ini boleh dikaitkan dengan *individualized consideration* mengikut teori Bass dan Avolio. Walaupun mengikut teori Bass dan Avolio ia adalah lebih kepada kemampuan dalam memimpin dan memberi perhatian khusus kepada anggota yang lain, namun ia boleh dikaitkan dengan sifat kepekaan pegawai dengan tugas yang diberikan dapat membantu rakan yang lain. Secara tidak langsung meningkatkan kebersamaan dalam melaksanakan tugas. Sikap memberi kesan yang khusus kepada tingkah laku, daya usaha, minat dan kesedaran. Dalam kajian ini, pengkaji merujuk kepada sikap pensyarah terhadap pelaksanaan aktiviti yang akan diceburi. Sikap adalah gambaran sejauh mana seseorang itu menyukai atau tidak menyukai sesuatu. Sikap menggambarkan kesediaan untuk melakukan sesuatu. Sikap

juga menggambarkan kepercayaan seseorang terhadap sesuatu perkara. Sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap objek tertentu, situasi, institusi, konsep atau seseorang.

12.4 MINAT

Mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka minat didefinisikan sebagai keinginan (kesukaan, kecenderungan) kepada sesuatu. Ia membawa maksud setiap tugas atau perkara yang kita lakukan perlu kepada minat. Sifat minat dengan tugas yang dilakukan akan melahirkan hasil yang mantap dan timbul kepuasan dalam diri. Mengikut teori Bass dan Avolio *inspirational motivation* adalah wujudnya motivasi atau semangat dalam diri untuk melaksanakan tugas dan arahan yang diberikan. Secara tidak langsung, motivasi yang lahir akan mewujudkan sifat minat dengan tugas yang dilaksanakan dan akan memberi impak positif kepada institusi.

13.0 PROSES PENYEDIAAN KELOMPOK BAKAT

Pegawai yang masih dalam perkhidmatan akan diwajibkan untuk menjawab DUA (2) bentuk soal selidik iaitu Soal Selidik Pelan Penggantian dan Ujian Inventori Personaliti Sidek (IPS).

13.1 Soal Selidik Pelan Penggantian

Soal Selidik Pelan Penggantian terdiri dari EMPAT (4) bidang utama yang ingin dikenalpasti di kalangan pegawai iaitu *Subject Master Expert*, Penyelidikan, Pengamal Profesional dan Pengurusan. Setiap bidang mengandungi soalan-soalan yang dibahagikan kepada EMPAT (4) Sub bidang iaitu Kesediaan, Pengetahuan, Sikap dan Minat bagi mengenalpasti kecenderungan pegawai dengan lebih terperinci. Soal selidik adalah berdasarkan Skala Likert 1-5 yang terdiri dari 5 pilihan skala dari tahap Sangat Tidak Setuju sehingga Sangat Setuju.

13.2 Inventori Personaliti Sidek

Inventori Personaliti Sidek adalah inventori atau ujian untuk mengenalpasti ciri-ciri atau trait-trait personaliti individu. Ujian personaliti ini adalah ujian yang mempunyai format jawapan 'Ya' atau 'Tidak'. Respon individu kepada item-item yang terkandung dalam ujian dikatakan dapat menerangkan ciri-ciri personaliti individu. Inventori Personaliti Sidek atau singkatannya IPS mempunyai 15 skala yang mampu mengenalpasti 15 ciri-ciri personaliti individu seperti agresif, analitikal, autonomi, bersandar, extrovert, intelektual, introvert, kepelbagaian, ketahanan, kritik diri, mengawal, menolong, sokongan, struktur dan pencapaian

13.3 Carta Alir Pemilihan Kelompok Bakat

Carta alir pemilihan kelompok bakat adalah seperti di bawah.



Carta Alir Pemilihan Kelompok Bakat

13.4 Analisa Data

Maklum balas staf dianalisa menggunakan ‘mean score’ berdasarkan jawapan yang diberikan melalui soal selidik pelan penggantian yang diedarkan. Seterusnya calon akan dikategorikan mengikut kecenderungan dalam skala 1-5 bagi setiap bidang.

Data dianalisa mengikut jabatan yang merangkumi Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE),

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Matematik Sains Komputer (JMSK), Jabatan Perdagangan (JP), Jabatan Pengajian Am (JPA), dan Jabatan Sokongan yang terdiri daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Unit Pentadbiran (UPent), Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Unit Jaminan Kualiti (UJK), Unit Teknologi Multimedia (UMS), Unit Peperiksaan (UPEP), dan Unit Perhubungan Latihan Industri (UPLI).

Manakala bagi analisa personaliti Sidek (IPS) mengandungi enam belas (16) skala yang berkaitan dengan lima belas (15) tret personaliti individu iaitu agresif, analitikal, autonomi, kreatif, ekstrovert, intelektual, berwawasan, kepelbagaian, ketahanan, kritik diri, mengawal, menolong, sokongan, struktur, dan pencapaian. Terdapat satu skala khas yang dikenali dengan skala kejujuran. Pekali kesahan kandungan (*validity*) IPS adalah 0.88 dan pekali kebolehpercayaan (*reliability*) adalah 0.96. Lima belas (15) tret personaliti ini dilihat dapat menyokong perancangan pelan penggantian PSA dalam 4 kriteria yang telah ditetapkan.

14.0 PEMBANGUNAN BAKAT

Pembangunan bakat adalah merujuk kepada program dan aktiviti yang dicadangkan atau dilaksanakan bagi menggilap potensi staf yang telah dikenalpasti kecenderungannya. Antara aktiviti yang akan dilaksanakan mengikut kelompok bakat adalah kursus upskilling, profesional, motivasi, kompetensi dan yang bersesuaian.

15.0 PENUTUP

Strategi perancangan penggantian yang terancang dan sistematik akan dapat memastikan pemimpin mempunyai ilmu, berdaya saing, mempunyai kualiti dan merupakan mereka yang betul-betul berpotensi dalam memimpin sesebuah organisasi. Perancangan penggantian yang baik melibatkan sistem merekrut dan memilih pemimpin, bagaimana mereka meneruskan pembangunan pemimpin pada masa hadapan. Peranan dan sokongan pihak pengurusan PSA juga menjadi tunggak kepada kejayaan pelaksanaan strategi pengurusan pelan penggantian yang tepat dan mantap. Perlunya ada kerjasama yang erat di antara satu sama lain supaya pelan penggantian dapat dirancang secara tersusun dan sistematik. Melalui strategi perancangan penggantian yang terancang maka potensi bakal pemimpin yang dipilih dapat dikesan dan diberi bimbingan awal memandangkan kecekapan memimpin dan sifat kepimpinan merupakan kunci kejayaan sesebuah organisasi.

RUJUKAN

Fatimah Othman (2012) Succession Planning Effectiveness: A Case Study Of UKM. Master Of Human Resource Management, Universiti Utara Malaysia

Jantan, N. (2014), *Isu-Isu Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Di Politeknik Merlimau Dan Kaedah Untuk Mengatasinya: Politeknik Merlimau Melaka*

Makushkin, Sergey A (2019), Company's personnel motivation. Vol. 40 (Issue 40) Page 23, ISSN 0798 1015.

Mas Ayu Othman, Fatimah Wati Halim, (2014) Pengaruh Personaliti Terhadap Penilaian Prestasi Kerja Berkesan
Kakitangan Akademik UKM (2014) *Jurnal Psikologi Malaysia 28 (2) (2014):63-84*

Seppala, N and Smith, C (2019), Teaching awards in higher education: a qualitative study of motivation and outcomes, *Studies in Higher Education*.doi.org/10.1080/03075079.2019.1593349

Tajuddin bin Abdul Rashid, Jamaliah binti Ahmad, Shafura binti Shariff. (2016) Kepimpinan Instruktional Pegawai
Perkhidmatan Pendidikan Tinggi di Politeknik Malaysia. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Sciences and Humanities*, Vol.1, 2016 eISSN0128-2875

Garis Panduan Kaedah Pelaksanaan Pelan Penggantian (Succession Palnning) Badan Berkanun Persekutuan di Bawah Kementerian Industri Utama, (2019)

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2006, Panduan Mewujudkan Search Committee dan Proses Pelaksanaan Pelan Penggantian (Succession Planning)

LAMPIRAN

**BORANG PENCALONAN
ANUGERAH INOVASI CEMERLANG 2020**

Anugerah ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada pensyarah yang aktif menjalankan aktiviti penyelidikan dan menunjukkan kecemerlangan dalam bidang inovasi. Anugerah ini mengambil kira penyelesaian projek pelajar, penulisan/pembentangan projek pelajar, pendaftaran harta intelek, aplikasi inovasi dan penyertaan inovasi.

Nama : _____
 No. K/P : _____
 No. H/P : _____
 Email : _____
 Jabatan : _____

GAMBAR TERKINI

Arahan : Sila isi maklumat di ruangan yang disediakan.

KRITERIA	ITEM PENILAIAN				MARKAH (DIISI OLEH JURI)		
		1	2	3			
PENILAIAN INSTITUSI	Penilaian LNPT (tahun 2019 sekurang-kurangnya 85%)						
	Penilaian 2019	96 dan ke atas	(10 markah)				
	91 - 95 %	(7 markah)					
	85 - 90 %	(5 markah)					
			Bilangan projek				
		1 - 3	4 - 6	7 - 10	MARKAH (DIISI OLEH JURI)		
MARKAH KECEMERLANGAN INOVASI : Calon perlu buktikan dalam bentuk sijil atau surat lantikan atau seumpamanya perlu disertakan sebagai lampiran)	1.1 TAJUK PENYELIAN PROJEK PELAJAR / INOVASI PENSYARAH (Senaraikan inovasi dalam tahun dinilai)						
	BIL	TAJUK PROJEK					
	1						
	2						
	3						
	1.2 PENULISAN/PEMBENTANGAN (pelajar/pensyarah)						
	1						
	2						
	3						
	1.3 APLIKASI PRODUK KEPADA SOSIAL DAN KOMUNITI						
1							
2							
3							
	ITEM PENILAIAN (10 MARKAH) HARTA INTELEK	COPYRIGHTS	INDUSTRIAL DESIGN	TRADEMARKS	PATEN	MARKAH (DIISI OLEH JURI)	
	BIL	TAJUK PROJEK	5	7	7	10	
	1						
	2						
	3						
			PERINGKAT	PENCAPAIAN			MARKAH (DIISI OLEH JURI)
			POLITEKNIK				
	ITEM PENILAIAN (20 MARKAH) PENCAPAIAN (PENERIMAAM ANUGERAH INOVASI)	ANTARABANGSA	PENYETAAN	GANGSA	PERAK	ENAS	
	BIL	TAJUK PROJEK	2	4	6	8	10
	1						
	2						
	3						
			JUMLAH (100%)				
Disahkan oleh Ketua J/P/U :	Disahkan oleh Panel Penilai :	Disahkan oleh Ketua Panel Penilai :					

**BORANG PENCALONAN
ANUGERAH STAF PELAKSANA TERBAIK TAHUN 2020**

Anugerah Khas Pengurus diberikan kepada calon yang cemerlang dan komited di dalam semua aspek khususnya dalam pengurusan tugas hakiki, kesempurnaan tugas dalam mendongong Misi dan Visi Organisasi. Anugerah ini diberikan kepada pegawai yang berusaha tanpa mengira masa dan tenaga dalam usaha ke arah mencapai kecemerlangan politeknik

Nama : _____
No. K/P : _____
No. H/P : _____
Email : _____
Institusi : _____

KRITERIA	ITEM PENILAIN	MARKAH	KUANTITI	MARKAH (DIISI OLEH J/KUASA)
1. PENILAIAN INSTITUSI (10%)	1.1 Penilaian LNPT (tahun 2019 sekurang-kurangnya 85%)			
	96 dan ke atas	(10 markah)		
	91 - 95 %	(7 markah)		
	85 - 90 %	(5 markah)		
2. MARKAH KECEMERLANGAN STAF PELAKSANA TERBAIK (2.1,2.2,2.3 dan 2.4 calon perlu buktikan dalam bentuk sijil atau surat lantikan atau seumpamanya perlu disertakan sebagai lampiran) Merupakan wujud faktor dalam din calon yang menunjukkan keaktifan dan kecemerlangan.	2.1 Memperlihatkan sikap taat dan sayang kepada organisasi dan mempamerkan tindakan,inisiatif dan keprahitinan yang melebihi tanggungjawab biasa bagi jawatannya (nyatakan SATU (1) berserta bukti)			
	Mematuhi ketepatan dan keberadaan masa bekerja.My profolio sentiasa dikemasuki.	2 markah		
	Bersikap proaktif dan prihatin kebersihan dan keselamatan pejabat dan menggelaskan pembaziran	2 markah		
	Memberi idea,cadangan dalam memperkemaskan maklumat-maklumat penting organisasi contoh carta Organisasi, Piagam Pelanggan dan lain-lain	2 markah		
	Prihatin dengan kebijakan rakan sekerja dan boleh berkerjasama dalam satu pasukan	2 markah		
	Melibatkan diri dalam aktiviti Jabatan,Pusat dan Unit bila diperlukan tanpa sebarang runutan	2 markah		
